



KENYATAAN MEDIA JAWATANKUASA PEMANTAUAN MASYARAKAT SIVIL PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU15)

Jawatankuasa Pemantauan PRU15 (PantauPRU15) adalah gabungan pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, keturunan, jantina, agama, budaya, ideologi dan status sosioekonomi dan mempunyai visi sepunya ke arah kemajuan Malaysia berteraskan demokrasi matang dan inklusif. Bekerjasama secara sinergistik dengan NCWO, PantauPRU15 berpegang teguh bahawa peningkatan penglibatan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai calon PRU dan seterusnya perwakilan dalam badan legislatif adalah langkah penting dalam mencapai visi tersebut.

PantauPRU15 lahir daripada Resolusi Forum Kepimpinan Wanita dalam Politik anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Majlis Pemimpin Politik Wanita Malaysia (COMWEL) pada 5 Oktober 2022 yang menuntut lonjakan jumlah perwakilan wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) ini dan seterusnya. Kekurangan perwakilan wanita dalam kepimpinan politik tidak boleh lagi dipandang remeh, justeru tindakan substantif dan kolektif perlu diambil segera.

PantauPRU15 akan berperanan seperti berikut:

- 1) Menggesa peningkatan pencalonan wanita oleh parti-parti politik;
- 2) Melobi media arus perdana dan alternatif serta media dalam talian memberi lebih ruang dan peluang kepada calon wanita sebelum, semasa dan selepas kempen PRU15;
- 3) Menjalankan kempen erat bersama media bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan lebih ramai wanita sebagai ahli dalam badan legislatif;
- 4) Menyediakan platform visibiliti kepada semua calon wanita tanpa mengira parti untuk perkongsian pencapaian dan perancangan mereka dalam kempen PRU15; dan
- 5) Melaporkan perkembangan sepanjang PRU15 yang berkaitan dengan calon-calon wanita yang bertanding.

PantauPRU15 adalah non partisan. Dijemput semua pihak untuk menggunakan tanda pagar #WanitaPemimpinRakyat #MoreWomenBetterGovernance dan #Min30PeratusWanita sebagai tanda sokongan kepada agenda ini.

PantauPRU15, 12 Oktober 2022